



## Hampir semua kawasan luar bandar ada elektrik

KUALA LUMPUR: Purata pendapatan penduduk luar bandar meningkat 34.5 peratus daripada RM1,729 kepada RM5,004 dalam tempoh 17 tahun.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata data daripada **Jabatan Perangkaan Malaysia** itu menunjukkan peningkatan pendapatan penduduk luar bandar dari tahun 2002 hingga 2019.

Beliau berkata, bekalan air rumah luar bandar juga meningkat, daripada 74.7 peratus pada tahun 2000 kepada 84.9 peratus pada 2019.

"Liputan bekalan elektrik di luar bandar pula meningkat daripada 84.6 peratus pada tahun 2000 kepada hampir 99 peratus pada 2019.

"Ini bukti usaha yang dijalankan Kementerian Pembangunan Luar Bandar berjaya meningkatkan kualiti serta taraf hidup penduduk luar bandar," katanya dalam kenyataan.

Mahdzir mengadakan sesi libat urusdi Bangunan Parlimen hari ini.

Sesi libat urus itu diadakan bagi memberikan penerangan mengenai hala tuju dan perancangan pembangunan kementerian itu tahun depan, selain mendapatkan maklum balas dan cadangan penambahbaikan program hasil pembentangan Bajet 2022.

Mahdzir berkata, tumpuan kementeriannya kini kepada program meningkatkan tahap ekonomi penduduk luar bandar yang terjejas teruk kerana pandemik COVID-19.

Katanya, ini selaras maltamat Bajet 2022 Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera bagi memberi manfaat kepada penduduk luar bandar, terutamanya isi rumah miskin, miskin tegar, B40 dan masyarakat Orang Asli.

Bagi tahun depan, katanya, kementerian itu akan terus berusaha meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada penduduk luar bandar melalui pelaksanaan program infrastruktur.

"Program seperti jalan luar bandar, bekalan elektrik luar bandar, bekalan air luar bandar, jalan perhubungan desa dan program ameniti sosial akan diteruskan pelaksanaannya.

"Sebanyak RM2.44 bilion diperuntuk bagi projek prasarana di luar bandar tahun depan," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/11/887795/hampir-semua-kawasan-luar-bandar-ada-elektrik>